

TARIKH: 16.1.2014 MUKASURAT: 27 JUDUL AKHBAR: UTUSAN MALAYSIA

Program EXCEED III mulai 18 Jan.

KUALA TERENGGANU 15 Jan. - Fakulti Reka Bentuk dan Teknologi Kejuruteraan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniZA) menganjurkan program EXCEED III di Perpustakaan Awam negeri di sini selama tiga hari mulai 18 Januari ini.

EXCEED III, siri program tahunan yang merupakan acara penting fakulti itu bertujuan mempamerkan hasil kerja kreatif para pelajar tahun akhir Ijazah Sarjana Muda Reka Bentuk Perindustrian.

Setiasaha program, Erna Noor Hasani dalam kenyataan memberitahu, selain itu, hasil kerja pelajar dari tahun dua dan satu turut dipamerkan kepada umum.

Katanya, Dekan FRTK, Prof. Ir. Dr. Mohd. Rizon Mohamed Johari akan merasmikan program berkenaan manakala penutup dan penyampaian anugerah reka cipta terbaik akan disempurnakan Naib Canselor UniZA, Prof. Dr. Yahaya Ibrahim.